

## KERAJAAN PERPADUAN DALAM WACANA PARTI POLITIK MELAYU-MUSLIM DI MALAYSIA

(Unity Government in Malay-Muslim Political Parties Discourse in Malaysia)

<sup>1</sup> WAFDI AUNI MOHAMED

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

---

### ABSTRAK

Hampir sedekad kontroversi Kerajaan Perpaduan menjadi polemik yang mempengaruhi permuafakatan politik selepas Pilihan Raya Umum ke-13. Walaupun cadangan tersebut telah ditolak, namun wacananya menjadi polemik yang mengundang pelbagai kontroversi terutama dalam kalangan parti politik Melayu-Muslim di Malaysia. Polemik ini juga telah mencetuskan perpecahan Pakatan Rakyat (PR) iaitu sebuah permuafakatan politik dalam kalangan parti-parti utama pembangkang pada 2015. Berdasarkan senario ini, timbul persoalan, apakah yang dimaksudkan dengan pembentukan kerajaan perpaduan di Malaysia? Apakah polemik yang telah berlaku? Adakah kerajaan perpaduan hanya berfokus terhadap kerjasama parti politik Melayu-Muslim sahaja? Makalah ini secara umumnya berhasrat mencari jawapan kepada persoalan ini. Oleh yang demikian, makalah ini dilakukan untuk menganalisis polemik kerajaan perpaduan dalam wacana politikal parti politik Melayu-Muslim. Bagi mencapai objektif ini, data yang digunakan diperoleh daripada temu bual dengan sembilan orang responden dan dianalisis menggunakan analisis kandungan berbantuan perisian ATLAS.ti. Dapatan kajian ini menunjukkan wacana yang bersifat politik mempengaruhi dalam kalangan parti politik Melayu-Muslim menjadi faktor utama kegagalan pembentukan kerajaan.

**Kata kunci:** Kerajaan perpaduan; wacana parti politik Melayu-Muslim; Malaysia

### **ABSTRACT**

*Almost a decade of controversy Unity Government became a polemic affecting political alliance after the 13th General Election. Although the ideas were rejected, it seems to be a polemic that invites various controversies, especially among Malay-Muslim political parties in Malaysia. The highlight of the Pakatan Rakyat (PR) split is a political alliance between the opposition's major parties. Based on this scenario, the question arises, what is the formation of the unity Government in Malaysia? What is polemically has happened? And, does the Unity Government only focusing towards Malay-Muslim political parties cooperation only? Therefore, this paper is to analyse the polemics of a unity government in the political discourse of Malay-Muslim political parties. To achieve the objectives of this paper, the data used were obtained from interviews with nine respondents and analysed using content analysis with ATLAS.ti software. The finding of this study shows that political discourse affecting Malay-Muslim political parties are a major factor in the failure of government formation.*

**Keyword:** *Unity government: Malay-Muslim political party discourse: Malaysia*

### **PENGENALAN**

Pada tahun 2009, konsep kerajaan perpaduan iaitu cadangan kerjasama politik dalam bentuk baru telah dicetuskan oleh Presiden PAS pada tahun 2009. Cadangan pembentukan kerajaan perpaduan yang dikemukakan adalah berdasarkan suasana politik pada masa tersebut selepas berlakunya pilihan raya umum ke-12 (PRU-12) pada tahun 2008. Konsep tersebut secara umumnya menuntut supaya Barisan Nasional (BN) berkongsi kuasa dengan Pakatan Rakyat (PR) pada peringkat pembentukan kerajaan persekutuan. Setiap kementerian mesti dikuasai bersama dan dasar perlu ditentukan secara konsensus. Oleh yang demikian, konsep kerajaan perpaduan ini menggambarkan bahawa ia bukan suatu keadaan yang PR berada di bawah penguasaan parti politik kerajaan iaitu BN, tetapi mempunyai taraf yang sama sebagai rakan kongsi dalam kerajaan persekutuan (Hafiz Baqi 2009). Namun, konsep kerajaan perpaduan ini tidak menjadi realiti kerana parti komponen dalam PR seperti DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak bersetuju dengan cadangan tersebut (Suhana Saad et al. 2012). Walau bagaimanapun, konsep kerajaan perpaduan ini masih diperkatakan dalam wacana kerjasama dan perpaduan politik di Malaysia sehingga kini yang berfokuskan permuafakatan politik antara PAS dengan UMNO. Oleh yang demikian, konsep kerajaan perpaduan ini dilihat antara konsep yang dikemukakan dalam amalan kerjasama politik di Malaysia yang bertujuan untuk menangani cabaran perpaduan dalam masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum dan agama terutama dalam kalangan orang Melayu

## METODOLOGI

Data dalam kajian ini diperolehi melalui temu bual dengan kumpulan responden yang terdiri daripada tujuh orang responden. Responden ini terdiri daripada empat orang yang terlibat dalam parti politik Melayu-Islam iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Tiga orang lagi merupakan ahli akademik yang mengkaji isu politik nasional. Justeru, untuk menganalisis data ini secara komprehensif, perisian ATLAS.ti versi 8 (PAV8) iaitu salah satu daripada *computer-assisted qualitative data analysis software* (CAQDAS) telah digunakan.

Proses analisis data primer memasukkan teks temu bual yang telah dijalankan terhadap semua responden dalam kalangan dua kumpulan responden tersebut. Oleh itu, tugas utama PAV8 adalah untuk menyediakan alat bagi memudahkan kod diproses dan dikategorikan mengikut tema dalam bentuk visual dan *network* bagi tujuan tafsiran (Othman Talib 2014). Pengkaji menganalisis data temu bual dengan menyambungkan kod yang berkaitan pada setiap petikan yang telah ditandakan. Pelbagai penemuan data yang dibentangkan oleh pengkaji dan dikembangkan dengan hubungan kod dan petikan yang telah dibuat. Kemudian hasilnya dapat dilihat melalui gambaran penemuan kajian dalam bentuk rangkaian. Perbincangan daripada temu bual secara langsung dengan responden tersebut tidak merujuk secara terus, tetapi ia ditukar kepada kod per nomboran. Responden yang mewakili kumpulan ahli politik dikodkan sebagai POL001, POL002, POL003, POL004, POL005 dan POL006. Responden yang mewakili kumpulan akademik pula dikodkan sebagai AK002, AK003 dan AK004. Kod penomboran responden ini diformulasikan oleh pengkaji sendiri. Tujuannya adalah untuk menjaga kerahsian responden sebagaimana yang dijanjikan oleh pengkaji semasa temu bual dijalankan.

## DAPATAN KAJIAN

Menurut Abdul Hadi Awang (2009), model kerajaan perpaduan yang dikemukakan adalah dengan mengambil model kerajaan perpaduan Indonesia semasa pentadbiran bekas Presiden Indonesia, B.J. Habibie. Modelnya berasaskan kerajaan tanpa pembangkang yang mencadangkan empat perkara utama. Pertama, menuntut supaya Barisan Nasional (BN) yang merupakan gabungan parti politik pemerintah berkongsi kuasa dengan gabungan parti politik pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) di peringkat persekutuan. Kedua, setiap kementerian mesti dikuasai bersama dan dasar perlu ditentukan secara politik permuafakatan. Ketiga, kedudukan PR dalam kerajaan perpaduan bukan bermaksud berada di bawah penguasaan BN, tetapi setaraf dengannya sebagai rakan kongsi. Keempat, parti kerajaan dan parti pembangkang akan membentuk pasukan pemerintahan dalam mengurus pentadbiran

negara tanpa perlu mengorbankan ideologi parti masing-masing (Hafiz Baqi 2009; Suhana Saad et al. 2012).

### **Polemik Pembentukan Kerajaan Perpaduan di Malaysia**


Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam temu bual bersama responden, pengkaji mendapati bahawa fakta berkaitan dengan cadangan model kerajaan perpaduan berdasarkan model Negara Indonesia adalah sama. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan responden POL004 (temu bual bersemuka 2016) seperti berikut:

“Cadangan ini tercetus apabila Presiden PAS dan rombongan pimpinan PAS ke Indonesia. Pengalaman B.J. Habibie merencana transisi dari era Suharto kepada pembaharuan demokrasi Indonesia. Semua pihak yang ada wakil dalam Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) membentuk kabinet untuk mentadbir negara” (POL004, temu bual bersemuka 2016).

Namun begitu, cadangan kerajaan perpaduan yang dibawa oleh Presiden PAS tersebut telah mencetuskan polemik. Polemik tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; pertama, kelemahan kerajaan perpaduan; dan kedua, kegagalan kerajaan perpaduan.

### **Kelemahan Kerajaan Perpaduan di Malaysia**


Maklumat yang dianalisis menerusi PAV8 mendapati bahawa responden yang telah ditemu bual memberikan empat isu utama mengapa model kerajaan perpaduan tidak mendapat reaksi yang positif dalam kalangan pemimpin politik dan ahli akademik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1 Dapatan pandangan responden mengenai kelemahan Kerajaan Perpaduan di Malaysia

Empat isu utama dalam Rajah 1 yang dikemukakan ialah model kerajaan tanpa pembangkang, tafsiran model kerajaan perpaduan, kewujudan Pakatan Rakyat (PR) dan tidak mengadakan perbincangan pada peringkat dalaman dan sekutu parti. Bagi tujuan perbincangan ini, isu utama dikelompokkan dalam dua faktor iaitu model kerajaan perpaduan dan kerjasama PAS-UMNO.

Maklumat temu bual yang dianalisis menerusi PAV8 menunjukkan bahawa terdapat dua faktor dalam model kerajaan perpaduan yang menjadi perbincangan responden seperti yang dipamerkan dalam Rajah 2.



RAJAH 2 Dapatan pandangan responden mengenai isu utama Kerajaan Perpaduan

Rajah 2 menunjukkan dua faktor yang menjadi asas kepada isu utama model kerajaan perpaduan yang bermula dengan konsep kerajaan perpaduan yang difahami umum iaitu kerajaan tanpa pembangkang. Kemudian, perbincangan tersebut dikembangkan apabila berlakunya wacana politik berkaitan tafsiran kerajaan perpaduan yang pelbagai mengikut sudut pandang politik.

## **Model Kerajaan Perpaduan**

Dalam membincangkan model kerajaan perpaduan, responden AK003 (temu bual bersemuka 2016) mengatakan konsep kerajaan tanpa pembangkang kurang realistik untuk dilaksanakan di Malaysia. Responden AK003 (temu bual bersemuka 2016) mengungkapkan begini:

“Cadangan ini kurang realistik untuk dilaksanakan kerana mengimpikan kewujudan sebuah kerajaan tanpa pembangkang yang terlalu sukar dicapai” (AK003, temu bual bersemuka 2016).

Pandangan yang sama juga dikemukakan oleh responden AK002 (temu bual bersemuka 2016) mengenai konsep kerajaan tanpa pembangkang dan dikaitkan dengan konsep pemerintahan autokratik dan despotik yang dilihat bertentangan dengan amalan konsensus atau permuafakatan politik yang dipraktikkan di Malaysia. Responden AK002 (temu bual bersemuka 2016) menyatakan begini:

“Negara tanpa pembangkang? Saya tidak boleh terima dan bersetuju kerana ia akan menjadi negara yang autokratik malah menjadi negara despotik. Mengapa hendak kerajaan tanpa pembangkang? Untuk apa?” (AK002, temu bual bersemuka 2016).

“*Consensualism* adalah semua parti politik bergabung seperti dalam pakatan BN sehingga tiada pembangkang. Bertolak ansur, bekerjasama dalam satu pakatan. Jika begini ok” (AK002, temu bual bersemuka 2016).

Analisis tersebut telah mempamerkan bahawa perbincangan isu utama mengambil kira asas dan kerangka konsep kerajaan perpaduan yang hendak dibentuk. Definisi, prinsip dan ciri yang terdapat dalam model yang hendak diaplikasikan sesuai dengan sistem dan budaya politik di Malaysia. Menariknya, perbincangan ini dibincangkan dalam kelompok responden ahli akademik sahaja. Persoalan dasar dan asas kepada aplikasi kerajaan perpaduan yang ditekankan dan diperlukan dalam wacana untuk mengembangkan cadangan yang dikemukakan.

## **Kerjasama PAS-UMNO**

Responden yang ditemu bual terutama dalam kelompok ahli politik didapati cenderung mengaitkan kerajaan perpaduan dengan perbezaan pendapat yang bersifat politik kepartian. Hal ini tidak menghairankan kerana isu kerajaan perpaduan ini sememangnya menjadi tumpuan wacana politik dalam kalangan pemerhati politik seperti Haris Zakapli (2015) dan Hafiz Baqi (2009). Sebagaimana pemerhatian seperti berikut:

“Kerajaan perpaduan terus didefinisikan sebagai “perpaduan PAS-UMNO” yang hanya mempunyai satu bentuk, dengan kedua-dua parti bergabung dalam satu pakatan politik – mengabaikan realiti kedudukan UMNO yang bekerjasama dengan parti-parti komponen bukan Melayu dalam Barisan Nasional – dan terus dikatakan menjadi agenda PAS walaupun kenyataan demi kenyataan menafikannya dibuat oleh pemimpin parti tersebut” (Haris Zakapli 2015).

Dalam penelitian model kerajaan perpaduan ini juga, terdapat sarjana yang memberikan kesimpulan yang sama seperti yang dibincangkan oleh Suhana Saad et al. (2012), Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain dan Rosmadi Fauzi. (2011), Hamayotsu, K. (2010), Mohamed Nawab Mohamed Osman (2009) dan Yang Razali Kassim (2014). Misalnya, Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain dan Rosmadi Fauzi (2011) telah menimbulkan isu ini dalam menganalisis kemandirian parti politik Melayu-Islam pasca PRU-12, iaitu:

“Atas persepsi ini maka timbul saranan supaya PAS dan UMNO membentuk gagasan ‘kerajaan perpaduan’ demi kesejahteraan rakyat” (Amer Saifude Ghazali et al. 2011).

Begitu juga Hamayotsu (2010) berpendapat bahawa:

*“After 8 March (2008) this intra-party socio-ideological division lost some explanatory power in fully understanding controversies and frictions that have become much more divide has emerged to propose ‘unity talks’ with UMNO leaders to negotiate the possibility of forming a unity government based on Muslim-based UMNO and PAS”* (Hamayotsu 2010).

Pandangan dalam kelompok responden politik ini dibayangkan menerusi hujah-hujah mereka seperti berikut:

“Ada keinginan untuk turut sama-sama menyatukan umat Islam dan masyarakat Malaysia dengan pimpinan PAS. Ada juga keinginan untuk membentuk kerajaan” (POL001, temu bual bersemuka 2016).

“Yang kita dengar hanya cadangan, pandangan dan perspektif yang mengatakan kerjasama UMNO dan PAS akan memberi impak positif kepada kepentingan Melayu-Islam” (POL002, temu bual bersemuka 2015).

“Saya sendiri berada dalam ‘lingkungan utama’ untuk menjayakannya di Selangor. Tetapi ianya gagal dan tidak mendapat sambutan” (POL002, temu bual bersemuka 2015).

“UG adalah dengan UMNO yang diperakui sebagaimana oleh mereka” (POL005, temu bual bersemuka 2016).

“Telah diusahakan kerjasama dengan UMNO untuk membentuk kerajaan perpaduan iaitu di Selangor dan Perak” (POL006, temu bual bersemuka 2016).

Berdasarkan petikan tersebut, responden tersebut telah memberikan satu justifikasi untuk membenarkan polemik yang mendasari faktor tafsiran kerajaan perpaduan dalam wacana politik PAS dan UMNO sahaja. Namun, pandangan ini dikemukakan oleh ahli politik yang bukan daripada parti PAS. Disebabkan tiada pernyataan yang dikemukakan oleh responden daripada parti PAS, maka pandangan ini dilihat tidak kukuh. Ia diandaikan kepada persepsi yang salah terhadap model yang dikemukakan sebagaimana yang dikemukakan oleh responden dan POL004.

“Bagi Presiden PAS, perbezaan yang dikehendaki dalam pendekatan UG ialah mengetepikan semua isu yang menghalang kepada isu perpaduan. Contohnya PAS, PKR, DAP dan UMNO perlu berkorban imej yang ditonjolkan sebelum ini dan merentasi politik lama serta mengetepikan perbezaan” (POL004, temu bual bersemuka 2016).

Persoalannya, apakah isu kerajaan perpaduan ini akan melibatkan kerjasama politik antara PAS dengan UMNO seperti yang dibincangkan oleh pemerhati politik dan sarjana tersebut turut dibahaskan oleh responden? Jawapannya ialah ya. Secara umumnya, pandangan responden-responden berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka.

Berhubungan dengan itu, responden POL006 (temu bual bersemuka, 2016) kelihatan memperincikan lagi kerangka kerjasama UMNO dengan PAS melalui tafsirannya kepada cadangan kerajaan perpaduan.

Beliau mengatakan seperti berikut:

“2013 juga begitu, dari 2008 tak selesa. PAS minoriti. PAS hendak kan model seperti BN, di mana kedudukan UMNO itu dominan dalam BN. PAS pun hendak dominan dalam PR. Apa yang berlaku telah berlaku konflik dalaman dalam PR. yang diinginkan adalah yang didapati bahawa hampir mustahil PAS mendominasi PR. Maka PAS kena kerja di bawah penguasaan UMNO dan BN melalui UG” (POL006, temu bual bersemuka 2016).

“Kalau kita hendak buat perubahan tetapi jangan sampai terjejas Melayu-Islam. Cara yang terbaik kita berdamping dengan UMNO dan mempengaruhi, dapat sokongan dan kerjasama dengan UMNO. Trendnya begitu yang dilihat hasil daripada perubahan pendekatan yang berlaku apabila didapati PAS boleh menguasai PR. Jika PAS dalam keadaan minoriti dalam kerajaan, seolah-olah perkara itu haram dan kedudukan Melayu-Islam tidak lagi dominan” (POL006, temu bual bersemuka 2016).


Selepas semua kenyataan daripada responden, kebanyakannya melihat bahawa tafsiran kerajaan perpaduan sebagai perpaduan ‘PAS-UMNO’ yang hanya mempunyai satu bentuk iaitu dengan kedua-dua parti bergabung dalam satu pakatan



politik. Hal ini telah menyumbang kepada polemik dan seterusnya menyebabkan kegagalan cadangan pembentukan kerajaan perpaduan.

### **KEGAGALAN KERAJAAN PERPADUAN**

Terdapat tiga faktor kegagalan kerajaan perpaduan yang dibincangkan oleh responden seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



RAJAH 3 Dapatan pandangan responden mengenai faktor kegagalan Kerajaan Perpaduan

Rajah 3 menunjukkan bahawa tiga faktor kegagalan dikemukakan oleh responden dalam sesi temu bual yang dijalankan. Pertama, faktor permainan media baru. Responden POL003 (temu bual bersemuka 2016) mengatakan seperti berikut:

“Kerajaan Perpaduan menjadi satu permainan yang dibuat oleh media baru dan bukan dalam kalangan pemimpin yang mainkan. Tak suka pada seseorang pemimpin dalam PAS. Memburukkan pimpinan supaya kebencian itu wujud. Kerajaan Perpaduan telah dihentikan dalam kalangan pimpinan PAS. Ia telah dijelaskan dalam mesyuarat. Saya akui bahawa cadangan Kerajaan Perpaduan ini merupakan salah satu sebab berlakunya perpecahan dalam PAS. Tuduhan itu telah berlaku perbezaan pandangan dan telah mempengaruhi beberapa pimpinan” (POL003, temu bual bersemuka 2016).

Faktor yang dinyatakan menjadi premis perbincangan oleh Haris Zakapli (2015) dalam membincangkan berkaitan polemik yang melanda kerajaan perpaduan. Beliau mengatakan bahawa tafsiran kerajaan yang mengelirukan daripada definisi dan maksud sebenar konsep kerajaan perpaduan telah dipopularkan melalui media baru terutama blog.

Faktor yang kedua ialah kesilapan politik. Responden POL001 pula dilihat memberikan pandangan bahawa kegagalan kerajaan perpaduan kerana ia mempunyai kesilapan politik dalam mendepani proses pembentukannya. Dalam memperincikan faktor tersebut, responden POL001 berkongsi pandangan seperti berikut:

Saya juga melakukan kesilapan. Tidak bergerak secara komprehensif. Cuba hentikan dahulu kerana PRU 2008. Saya tidak suka kepada pertelingkahan dan perpecahan dalam kalangan UMNO dan PAS kerana semua umat Islam. Pada waktu 2008 ke atas saya nampak ada perpecahan. Kegagalan kerajaan perpaduan tidak gagal sepenuhnya. Perlu mencari jalan penyelesaian bersama-sama. Ia bukan semata-mata tentang politik. Ada yang lebih penting iaitu Islam dan umat Islam (POL001, temu bual bersemuka 2016).

Dalam memperincikan faktor kesilapan politik tersebut, responden AK003 (temu bual bersemuka 2016) berkongsi pandangan yang sama dengan hujah yang diberikan oleh responden POL001 iaitu dikemukakan oleh pemimpin parti politik pembangkang. Secara lebih jelas responden AK004 (temu bual bersemuka 2016) mengatakan seperti berikut:

“Ia dikemukakan oleh pemimpin parti politik pembangkang. Mungkin lebih berjaya jika ia dikemukakan oleh pemimpin parti politik kerajaan yang lebih dominan dari segi kedudukan” (AK004, temu bual bersemuka 2016).

Selain dua faktor yang telah dibincangkan sebelum ini, faktor ketiga yang menyebabkan kegagalan pembentukan kerajaan perpaduan ialah komitmen PAS dengan PR. Berikut ditunjukkan pandangan daripada responden yang berhujah mengatakan bahawa kegagalan kerajaan perpaduan disebabkan komitmen parti politik Melayu-Islam iaitu PAS dengan gabungan kerjasama politik mereka iaitu PR. Hujah daripada responden seperti berikut:

“Pertemuan ada. Pertama kali selepas berlaku PRU 2008. Saya sendiri hadir sekadar untuk mengetahui hasrat UMNO. Ada hasrat untuk mengajak PAS bekerjasama dan bersatu. Tetapi dalam soal ini ditolak oleh PAS kerana komitmen dengan Pakatan Rakyat” (POL003, temu bual bersemuka 2016).

Hujah yang lebih jelas lagi dinyatakan oleh responden POL004 (temu bual bersemuka, 5 Februari, 2016) dan POL002 (temu bual bersemuka 2016) seperti berikut:

“Berlakunya perbincangan dengan Pak Lah. Pak Lah mahukan PAS sahaja untuk bentuk kerjasama. Tuan Guru Haji Hadi tak setuju kerana mahukan Pakatan Rakyat terlibat. Ikut model Indonesia. Pak Lah tegaskan tak setuju. Cadangan tersebut sampai kat situ sahaja” (POL004, temu bual bersemuka 2016).

“Saya fikir, cadangan tersebut gagal kerana kesetiaan PAS dengan ‘pakatan’ politik mereka” (POL002, temu bual bersemuka 2016).

Faktor kegagalan disebabkan oleh komitmen PAS terhadap kerjasama yang dijalinan melalui PR jelas menolak pandangan yang mengatakan bahawa kerajaan perpaduan adalah suatu usaha untuk membentuk kerjasama politik atau membentuk kerajaan antara PAS dengan UMNO sahaja seperti yang dibincangkan dalam isu kerajaan perpaduan sebelum ini.

## KESIMPULAN

Wacana yang dibincangkan ini menunjukkan bahawa parti politik Melayu-Muslim umumnya belum mengemukakan konsep kerajaan perpaduan secara jelas. Justeru, isu yang melingkari polemik yang berlaku bertolak daripada andaian politikal yang memberi keuntungan kepada sebelah pihak sahaja. Wacana ini memberi gambaran wujudnya dikotomi dalam kalangan parti politik Melayu-Muslim yang menyulitkan berlakunya kerjasama politik yang diinginkan oleh definisi konsep kerajaan perpaduan yang sebenar. Hal ini kerana pendekatan dan pentafsiran serta kehendak yang membawa kepada pembentukan kerajaan perpaduan berbeza antara parti politik Melayu-Muslim ini. Walau bagaimanapun, apabila cadangan kerajaan perpaduan dikemukakan gagal direalisasikan, penelitian terhadap suatu gagasan perpaduan yang lebih besar dan menyeluruh diperlukan. Hal ini disebabkan sejarah politik Malaysia mengambil kira perhatian yang besar terhadap aspek masyarakat Melayu-Muslim yang merupakan majoriti. Lantaran itu, konsep kerajaan perpaduan yang berteraskan politik Melayu-Muslim diperlukan sebagai nukleus untuk membentuk kerjasama politik yang lebih luas dan berkesan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Kuala Lumpur. Temu bual, Februari 4.
- Abdul Hadi Awang. 2009. Negara tanpa pembangkang. *Siasah Bil. 138*, hal. 8-9, 1-7 Mac.
- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkainain dan Rosmadi Fauzi. 2011. Politik Etnik Malaysia: Analisis pasca pilihanraya umum ke-12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS. *Malaysian Journal of Society and Space* 7(2): 18-25.

- Hafiz Baqi. 2009. *Kontroversi Kerajaan Perpaduan dan 16 September*. Kuala Lumpur: Media Icon.
- Hamayotsu, K. 2010. Crises of identity in PAS and beyond: Islam and politics in post 8 March Malaysia. *The Round Table* 99(407): 163-175. doi: 10.1080/0035853100365.
- Haris Zakapli. 2016. *Menyemak semula polemik 'kerajaan perpaduan*. [http://www.agendadaily.com/email-pembaca/menyemak-semula-polemik-kerajaan-perpaduan .html](http://www.agendadaily.com/email-pembaca/menyemak-semula-polemik-kerajaan-perpaduan.html) [30 November 2016].
- Idris Zakaria. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Selangor, Temu bual, Januari 12.
- Kamarul Zaman Yusof. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Kedah. Temu bual, Januari 19.
- Khalid Samad. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Selangor. Temu bual, Februari 10.
- Mohamed Nawab Mohamed Osman. 2009. PAS beyond the 2009 party elections: Islamism or post-Islamism. *RSiS Comentary*: 1-3.
- Mustafa Ali. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Kuala Lumpur. Temu bual. Februari 16.
- Othman Talib. 2014. *ATLAS.ti: Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*. Selangor: MPWS Rich Resources.
- Reezal Merican Naina Merican. 2015. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Pulau Pinang, Temu bual, November 29.
- Salahuddin Ayub. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Kuala Lumpur. Temu bual, Februari 18.
- Suhana Saad, Ali Salman, Novel Lyndon, Selvadurai S, Zaimah R, Azima AM & Mohd Yusof Hussain. 2012. Krisis politik Melayu dan pembinaan negara bangsa. *Malaysian Journal of Society and Space* 8(9): 39-45.
- Wan Nik Wan Yusoff. 2016. Temu bual secara bersemuka dengan Wafdi Auni Mohamed. Kelantan. Temu bual, Februari 5.
- Yang Razali Kassim. 2014. Malaysia's opposition alliance at the crossroads: Beginning of the end?. *RSiS Comentary* 191: 1-3.